

15/09/2003

Atlit kita harus contohi keperibadian Malik

Raja Ahmad Zainuddin

ADA dua perkara menarik ingin saya ketengahkan Sukan Malaysia (Sukma) di Negeri Sembilan tahun depan yang membabitkan atlit kebangsaan.

Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Hussein ketika mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Sukma (MTS), membuat keputusan membenarkan atlit kebangsaan mengambil bahagian di temasya itu. Mesyuarat berkenaan juga dimaklumkan mengenai penarikan diri Majlis Sukan Universiti-universiti (Masum) daripada pertandingan itu.

Sebelum itu, izinkan saya merakamkan rasa penghargaan saya secara peribadi kepada perenang sensasi Datuk Abdul Malik Mydin yang saya temui secara kebetulan pada malam Jumaat lalu, ketika sedang minum teh di sebuah gerai di Kuala Lumpur.

Abdul Malik yang sekarang bergelar 'Datuk' dan telah mencatat sejarah menjadi rakyat Malaysia pertama menyeberangi perairan Selat Inggeris patut dijadikan bintang contoh oleh atlit lain.

Kenapa saya katakan demikian, kerana beliau adalah seorang yang tidak sombong diri. Walaupun, sekarang bertaraf bintang, tetapi dia sudi juga berjabat tangan dan menyapa siapa juga yang beliau temui.

Kadangkala ada juga di kalangan atlit kita tidak kiralah dalam apa juga jenis sukan bukan saja belum bertaraf bintang, nama pun baru tengah naik dan mendapat sedikit publisiti, tetapi berlagak lebih daripada Ronaldo atau Rabuan Pit.

Walaupun pertemuan dengan Abdul Malik itu amat singkat dan secara kebetulan, tetapi luahan rasa bangga saya kerana dapat menyampaikan ucapan tahniah secara peribadi di atas kejayaan beliau yang turut menerima penghargaan daripada Kerajaan Malaysia, sebagaimana gambaran kehebatan anak kelahiran Pulau Pinang itu di dalam ucapan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika menyambut ulangtahun Hari Kemerdekaan dan diulangi beliau pada pembentangan Bajet 2004 di Dewan Rakyat, Jumaat lalu.

Syabas Abdul Malik! Anda bukan saja menjadi wira, tetapi idola kepada slogan Malaysia Boleh. Justeru kekalkan sikap ibarat seperti resmi padi makin berisi ia semakin tunduk. Pujian juga sewajarnya diberikan kepada Kerajaan Pulau Pinang dan Menteri Besar Perak, Datuk Seri Mohd Tajol Rosli Ghazali yang turut memberikan penghargaan melalui sumbangan wang tunai.

Diharap keharuman nama Malaysia di persada antarabangsa sebagaimana yang telah dibuktikan oleh Abdul Malik dan atlit lain akan dapat terus dilaksanakan menjelang Sukan Sea Vietnam, Disember ini. Selaku juara bertahan, kita tidak mahu dilabel setakat menjadi Jaguh Kampung.

Justeru, keputusan MTS menarik balik larangan atlit kebangsaan di Sukan Malaysia yang akan diadakan di Seremban tidak lama lagi perlulah di lihat dari sudut positif seperti mana kata-kata semangat Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, setiap kita mestilah berani bersaing jika ingin pergi lebih jauh.

Dengan adanya persaingan akan mendorong bakat-bakat baru untuk menunjukkan kebolehan mereka di hadapan atlit kebangsaan kerana mereka juga ingin menempah nama.

Demikian juga bagi atlit kebangsaan ia akan menjadi motivasi untuk lebih merasa malu jika dikalahkan oleh muka-muka baru sebagaimana Azmi Ibrahim dan Watson Nyambek alami pada Kejohanan Olahraga Terbuka Kebangsaan. Mungkin juga ada yang berpendapat dengan kehadiran atlit kebangsaan akan menyekat peluang bakat-bakat baru. Bagi saya lebih baik bersaing untuk melahirkan ahli sukan yang lebih berkualiti, sekalipun di lambung ombak ketika berenang di muara.

Akan tetapi kita agak kesal jika Masum kekal dengan keputusannya untuk menarik diri dengan alasan kehilangan ramai atlitnya yang mewakili negeri-negeri. Dalam hubungan ini kita berharap Hishammuddin akan mencari formula

supaya kegemilangan dan kemeriahan sukan yang menjadi tempat melahirkan ramai bakat baru tidak terjejas.

Tidak salahnya jika perkara ini di bawa ke meja perbincangan. Apa salahnya jika atlit ini diagihkan tidak kiralah mewakili negeri atau mana-mana pusat pengajian tinggi (IPTA) asalkan peluang mereka tidak terjejas. Kita janganlah terlalu rakus hanya mementingkan diri sendiri semata-mata untuk menjadi juara tanpa memikirkan semangat kesukanan itu sendiri. Justeru diharap perkara ini perlu di lihat dari sudut yang lebih serius.

Kita tidak mahu ketiadaan mereka menguatkan lagi pandangan serong dan kata-kata nakal sesetengah pihak terhadap moral pelajar universiti sejak akhir-akhir ini.

Pada persidangan Parlimen yang sedang berlangsung saya sekali lagi memberi pandangan betapa sekolah adalah teras untuk kita mengasah bakat-bakat baru. Oleh sebab itu, di harap guru-guru sukan yang bertanggung jawab melatih pelajar wajarlah dihantar berkursus dan memperoleh sijil kelayakan ke arah mempertingkatkan kualiti pengajaran. Jika boleh mereka ini juga diberikan imbuhan sebagai satu motivasi.

Sekalipun rata-rata sekolah sekarang menghadapi masalah padang dan jika adapun mungkin sekadar sekangkang kera, tetapi suasana dan semangat kesukanan janganlah dipandang ringan. Setidak-tidaknya pelajar ini masih tetap boleh berlatih dan bermain bola dan secara tidak langsung mempertingkatkan disiplin mereka apabila ke sekolah menengah.

Hujung minggu lalu saya mengambil kesempatan sekali lagi ke Pulau Langkawi kerana ada urusan. Jika sebelum ini saya bersama ahli-ahli Parlimen yang lain berada di pulau itu, tetapi kali ini keluarga saya turut bersama kerana cuti persekolahan.

Kebetulan, Mara juga mengadakan sukan tahunannya yang disertai oleh kira-kira 3,000 orang anggota dari seluruh negara, yang turut di hadiri Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohd Nazri Aziz dan timbalan beliau, Datuk Khalid Yunus.

Bermakna pulau legenda ini, telah dibanjiri bukan saja pelancong, pelajar sekolah, tetapi juga kakitangan kerajaan yang mengambil kesempatan musim cuti persekolahan.

Peniaga juga menumpang tuah di atas kehadiran mereka. Saya turut membawa anak saya yang berhajat untuk membeli kasut sukan kerana Langkawi adalah bertaraf bebas cukai.

Tetapi, saya sungguh terkejut bukan saja harga kasut yang berjenama itu tidak jauh bezanya jika dibeli di bandar-bandar utama yang lain di negara kita, tetapi negara yang membuatnya juga mengejutkan saya, bagaikan indah khabar dari rupa.

Perdana Menteri bekerja begitu keras memerah otak untuk membangun dan memajukan Langkawi, berulang kali memberi nasihat, tetapi kenapa masih ada peniaga yang tidak langsung peka dengan saranan pemimpin kita itu agar tidak mengambil kesempatan pada ketika ramai orang mengunjung pulau itu.

Kita mahu Langkawi terus kekal menjadi destinasi pelancong luar dan dalam negara. Beberapa acara sukan bertaraf antarabangsa juga diadakan di pulau ini dan mendapat sambutan serta liputan seluruh dunia terutama lumba basikal.

Justeru, peniaga janganlah menghampakan impian Perdana Menteri dan juga negara sebaliknya sama-sama menanamkan semangat bertanggungjawab kerana jika Langkawi maju bermakna mereka jugalah yang akan mendapat faedahnya.

Malah, saya turut bertanyakan perkara ini kepada Ahli Parlimen Langkawi, Datuk Abu Bakar Taib yang hanya tersenyum sementara seorang lagi wakil rakyat yang sempat menyampuk pula berharap pertunjukan Lima yang akan berlangsung tidak lama lagi tidak akan mengulangi peristiwa di mana beliau sendiri terkejut dengan harga sekeping roti canai di pulau yang terkenal dengan sejarah padang jarak padang terkukur itu.